



9 September 2022
9 September 2022
P.U. (A) 290

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI EKSAIS (PENYEDIAAN PRACAMPURAN) (BAYARAN) 2022

EXCISE DUTIES (PREMIX PREPARATION) (PAYMENT) ORDER 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERINTAH DUTI EKSAIS (PENYEDIAAN PRACAMPURAN)
(BAYARAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 6(1) Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Eksais (Penyediaan Pracampuran) (Bayaran) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2022.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“penyediaan pracampuran” ertinya barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (1), (2) dan (3) di bawah kepala 18.06 Bab 18, kepala 19.01 Bab 19, kepala 21.01 dan 21.06 Bab 21, Jadual kepada Perintah Duti Eksais 2022 [*P.U. (A) 163/2022*];

“tempat berlesen” ertinya mana-mana tempat pengilangan penyediaan pracampuran yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan kepada pengilang berlesen di bawah subseksyen 20(1) Akta.

Duti eksais

3. Duti eksais pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual kepada Perintah Duti Eksais 2022 hendaklah dilevi ke atas dan dibayar oleh pengilang berlesen dan pemegang lesen penyediaan pracampuran berkenaan dengan barang-barang yang dikilangkan di Malaysia yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual kepada Perintah Duti Eksais 2022.

Cara pembayaran bagi pemindahan penyediaan pracampuran dari tempat berlesen atau gudang berlesen

4. (1) Duti eksais hendaklah dibayar oleh pengilang berlesen atau pemegang lesen, yang memindahkan penyediaan pracampuran berkenaan dari tempat berlesen atau gudang berlesen itu untuk kegunaan dalam Malaysia, selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya.

(2) Ketua Pengarah boleh, jika berpuas hati sedemikian, membenarkan suatu sekuriti diberikan oleh pengilang berlesen atau pemegang lesen bagi pembayaran duti eksais bagi penyediaan pracampuran yang dipindahkan dari tempat berlesen atau gudang berlesen.

(3) Sekuriti yang diberikan di bawah subperenggan (2) hendaklah menjadi kena dibayar oleh pengilang berlesen atau pemegang lesen bagi penyediaan pracampuran yang dipindahkan dari tempat berlesen atau gudang berlesen dengan syarat bahawa—

- (a) pengilang berlesen atau pemegang lesen pada setiap masa adalah bertanggung bagi duti eksais ke atas penyediaan pracampuran yang dipindahkan dari tempat berlesen atau gudang berlesen; dan
- (b) Ketua Pengarah boleh menuntut bayaran duti eksais daripada pengilang berlesen atau pemegang lesen ke atas penyediaan pracampuran yang dipindahkan dari tempat berlesen atau gudang berlesen jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai penyediaan pracampuran itu tidak dapat diakaunkan.

Dibuat 7 September 2022

[S.KE.HT(96)669/19-8 Klt.4 Sk.7; MOF.TAX (S)700-1/3/97; PN(PU2)337/Jld. 26]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 6(2) Akta Eksais 1976]

EXCISE ACT 1976

EXCISE DUTIES (PREMIX PREPARATION) (PAYMENT) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 6(1) of the Excise Act 1976 [*Act 176*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Excise Duties (Premix Preparation) (Payment) Order 2022**.

(2) This order comes into operation on 1 November 2022.

Interpretation

2. In this Order —

“premix preparation” means the goods described in column (1), (2) and (3) under the heading of 18.06 of Chapter 18, heading of 19.01 of Chapter 19, headings of 21.01 and 21.06 of Chapter 21 of the Schedule to the Excise Duties Order 2022 [*P.U. (A) 163/2022*];

“licensed place” means any place of manufacture of premix preparation as specified in the license issued to the licensed manufacturer under subsection 20(1) of the Act.

Excise Duty

3. Excise duty at the rates specified in the column (5) of the Schedule to the Excise Duties Order 2022 shall be levied on and paid by the licensed manufacturer and licensee for the premix preparation in respect of the goods manufactured in Malaysia specified in column (3) of the Schedule to the Excise Duties Order 2022.

Method of payment for removal of premix preparation from licensed place or licensed warehouse

4. (1) Excise duty shall be paid by licensed manufacturer or licensee, who removes the premix preparation from the licensed place or licensed warehouse for consumption within Malaysia, not later than the last day of the following month.

(2) The Director General may, if so satisfied, allows a security to be given by the licensed manufacturer or licensee for payment of the excise duty for premix preparation removed from the licensed place or licensed warehouse.

(3) The security given under subparagraph (2) shall become payable by the licensed manufacturer or licensee for premix preparation removed from the licensed place or licensed warehouse provided that —

- (a) the licensed manufacturer or licensee is at all times liable for the excise duty on premix preparation removed from the licensed place or licensed warehouse ; and
- (b) the Director General may demand payment of the excise duty from the licensed manufacturer or licensee on premix preparation removed from the licensed place or licensed warehouse if the Director General has reason to believe that such premix preparation is not accounted for.

Made 7 September 2022

[S.KE.HT(96)669/19-8 Klt.4 Sk.7; MOF.TAX (S)700-1/3/97; PN(PU2)337/Jld. 26]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 6(2) of the Excise Act 1976]